

**PRK Kuala Besut: Hampir 80 Peratus Keluar Mengundi Awal
Bernama
20 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 20 Julai (Bernama) -- Peratusan keluar mengundi pada pengundian awal bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Besut yang berlangsung di Dewan Serbaguna Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Gong Kedak di sini adalah 79.36 peratus.

Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Terengganu, Fakhru Razi Ab Wahab berkata selepas tempoh pengundian awal tamat tepat 5 petang, hanya 911 daripada keseluruhan 1,148 anggota tentera dan pasangan serta polis yang layak mengundi telah keluar menunaikan tanggungjawab mereka.

Pusat pengundian awal di TUDM Gong Kedak membabitkan dua peti undi yang akan disimpan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Besut sehingga hari penjumlahan rasmi undi Rabu ini (24 Julai).

Pilihan raya kecil DUN Kuala Besut diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar, 55, pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara calon Barisan Nasional (BN) Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dengan calon PAS Endot@Azlan Yusof.

SPR menetapkan 24 Julai ini sebagai hari pengundian bagi 16,534 pemilih biasa.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964880>